

Usaha menentang inflasi

Kawalan harga yg berkesan dirancang

KUALA LUMPUR, Ahad — Kerajaan akan memperkukuhkan lagi langkah penguatkuasa di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bagi mengawal kenaikan harga secara lebih efektif.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang menegaskan demikian dalam satu temuramah khas dengan mingguan The Sunday Times, berkata ramai lagi pegawai penguatkuasa dijangka diambil berkhidmat untuk memenuhi tugas bahagian penguatkuasa yang kian bertambah sekarang.

Kandungan temuramah dengan Datuk Seri Dr. Mahathir sepenuhnya adalah seperti berikut:

Soalan: Harga minyak sedang naik, harga berbagai barang dan perkhidmatan yang digunakan oleh orang ramai juga telah naik. Apakah rancangan Kerajaan bagi membendung arus inflasi tersebut?

Jawapan: Kita merancang mengawal harga untuk mengelakkan kenaikan harga barang-barang keperluan. Kita juga berharap dapat menjamin bekalan barang-barang keperluan yang berterusan di seluruh negara.

Kita juga telah menyediakan subsidi untuk beberapa jenis barang keperluan tertentu. Subsidi ini boleh dikurang atau ditambah mengikut keadaan. Bagaimanapun, sudah tentu subsidi yang diberjkan oleh Kerajaan mempunyai hadnya. Subsidi-subsidi ini sudahpun menelan belanja kira-kira \$1 bilion.

SOALAN: Pengawalan harga memerlukan langkah penguatkuasaan yang tegas. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk menguatkan agensi-agensi penguatkuasaan ini?

JAWAPAN: Kami sedang mengambil langkah-langkah memperkukuhkan bahagian penguatkuasa di Kementerian Perdagangan. Kita cuba menambah bilangan pegawai-pegawainya, memandangkan tugas-tugas bahagian itu semakin bertambah.

Kita tidak akan dapat mengawal semua yang berlaku walaupun kita menambah bilangan pegawainya sepuluh kali ganda.

Di sinilah pihak awam boleh memainkan peranan. Mereka boleh membantu mengurangkan masalah ini dengan memulaukan barang-barang yang dijual melebihi harga rasmi yang ditetapkan.

SOALAN: Bukankah kawalan harga dengan sendirinya merupakan langkah kurang sempurna bagi menyelesaikan masalah ini?

JAWAPAN: Memang benar. Seperti yang saya katakan tadi, Kerajaan juga cuba menurunkan harga menerusi subsidi. Tetapi ia terhad dan bergantung pada kemampuan Kerajaan.

Usaha kita dalam menentang kenaikan harga setakat ini adalah memuassakan berbanding dengan usaha negara-negara lain. Kadar inflasi di Amerika Selatan ialah 100 peratus setiap tahun. Di Eropah adalah antara 17 hingga 24 peratus. Kadar inflasi di negara kita hanya LIMA PERATUS.

Orang ramai tidak mempunyai banyak sebab untuk bersungut di sini, dan sekiranya mereka masih tidak berpuashati, mereka harus bertanya diri sendiri apa yang mereka sedang lakukan terhadap perkara itu. Dalam sebarang usaha memerangi inflasi, setiap orang mesti mengurangkan kadar penggunaan. Corak kehidupan mesti diubah. Di Jepun terdapat

pengurangan yang besar dalam penggunaan kereta. Di Amerika, rakyatnya sedang cuba hingga menggunakan kayu api untuk menyelesaikan masalah kekurangan tenaga.

Mesti terdapat usaha gigih untuk mengurangkan penggunaan dan meningkatkan daya pengeluaran. Usaha yang lebih adalah penting dan semua ini harus dibeban bersama oleh rakyat.

SOALAN: Bagaimana kalau kita menapis lebih banyak minyak mentah kita? Mungkin ini dapat mengurangkan harga petrol dan lain-lain barang berasaskan petroleum?

JAWAPAN: Kita bercadang berbuat demikian. Kita harus menapis minyak mentah tempatan, bukan sahaja untuk kegunaan sendiri, malahan untuk eksport. Tetapi kita terpaksa membeli minyak mentah dari syarikat-syarikat pengeluarannya. Ia tidak

diperolehi secara percuma. Kita tidak mampu memberikan subsidi yang tidak terhad.

Sebagai contoh ialah loji gas cecair asli (LNG) yang merupakan usaha bersama Malaysia dengan lain-lain pelabur asing. Loji LNG ini akan terpaksa membeli minyak mentah dari syarikat pengeluar bagi menentukan syarikat-syarikat berkenaan mendapat keuntungan.

Dan walaupun sekiranya kita menapis minyak mentah kita sendiri, itu tidak sewajarnya bererti harga petrol akan menjadi murah. Tetapi bagi menentukan harga minyak di Malaysia tidak terlalu tinggi bagi memenuhi keperluan tenaga, kita telah menggunakan kuasa hidroelektrik. Di samping itu, terdapat rancangan untuk membawa bekalan elektrik dari projek-projek hydro di Malaysia Timur tetapi itu akan mengambil masa lapan hingga sepuluh tahun lagi.

No. Siri 11,214
No. Penerbitan 3027/18

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia